

Batu Puteh: Peguam Negara diarah berunding

PUTRAJAYA - Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun diarah untuk segera mengadakan rundingan dengan Singapura berhubung tuntutan Pulau Batu Puteh.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat kabinet pada Rabu.

"Mesyuarat Kabinet (Rabu) meminta Idrus memberi penjelasan mengenai kontroversi tuntutan Batu Puteh yang telah diserahkan kepada Singapura oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sebelum ini," katanya.

Pada 23 Mei 2008, ICJ memutuskan Singapura mempunyai hak terhadap Pulau Batu Puteh, manakala Batuan Tengah yang terletak tidak sampai satu kilometer dari pulau itu milik Malaysia, selain hak milik Tubir Selatan, kira-kira empat kilometer dari Pulau Batu Puteh, ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya.

Malaysia memfailkan permohonan semakan pada 2 Februari 2017 dan pada 30 Jun tahun sama, memohon supaya mahkamah mentafsirkan penghakimannya berhubung kedaulatan Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang diputuskan pada 23 Mei 2008.

Pada 13 Oktober lepas, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam satu kenyataan dilaporkan berkata, jemaah menteri bersetuju Malaysia meneruskan tindakan perundangan di ICJ berkaitan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Keputusan itu dicapai setelah mendengar laporan pembentangan dan cadangan daripada Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada 7 Oktober lepas.

Pulau Batu Puteh juga dikenali sebagai Pedra Branca oleh Singapura merupakan pulau kecil berkeluasan 8,560 meter persegi.

Pulau Batu Puteh hari ini mempunyai rumah api, helipad, loji penyahgaraman dan lebih penting lagi stesen penyiaran semula tentera.